

Ribuan pengunjung serbu Sureheboh

NILAI: Karnival Sureheboh 2006 bermula di Nilai 3, dekat sini semalam berjaya menarik kehadiran ribuan pengunjung yang tidak mahu melepaskan peluang berkongsi kemeriahan serta bersua muka dengan barisan personaliti terkenal tanah air.

Turut menjadi tumpuan ialah gerai akhbar tabloid nombor satu negara, *Harian Metro* yang menyajikan pelbagai kegiatan menarik sambil diselangi celoteh dua juruhebah, Nordin Markin dan Rudy Syareme Syarafudin.

Mereka memulakan tugas jam 9 pagi hingga 7 malam sebelum disambung semula sehingga karnival berakhir, malam ini untuk mempromosi produk *Harian Metro* dan akhbar terbitan kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

Pengunjung dari Perak, Mohd Nizam Abdul Rahman, 20, yang kali

pertama berkunjung ke karnival itu, berkata sebelum ini dia hanya mendengar mengenai kemeriahan Sureheboh, tetapi kali ini dapat merasainya sendiri.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad, Datuk Farid Ridzuan, berkata orang ramai perlu mengambil kesempatan daripada karnival itu untuk mendekati keluarga baru Media Prima.

"Pelbagai acara menarik disediakan, antaranya sesi ramah mesra dengan penyampai radio serta jualan barangan eksklusif Hot FM," katanya, menambah 60 gerai dibuka sepanjang dua hari karnival berlangsung.

Katanya, kehadiran barisan personaliti Media Prima dari TV3, 8TV, NTV7, Fly FM dan Hot FM diharapkan dapat merapatkan hubungan warga kerja syarikat itu dengan orang ramai.



UNTUK PEMINAT: Siti Nurhaliza menghiburkan beribu-ribu peminat yang menunggunya sejak jam 3 petang di Karnival Sureheboh, Nilai 3, Nilai, semalam.